



TEKS UCAPAN

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN DAN
MAJLIS PELANCARAN PUSAT EKONOMI DIGITAL KELUARGA
MALAYSIA (PEDI)**

**TARIKH: 1 APRIL 2022 (JUMAAT), MASA: 8.30 PAGI
PUSAT DIGITAL EKONOMI KELUARGA MALAYSIA,
DEWAN KOMUNITI TAMAN BANDAR BAHARU, MASJID TANAH**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis;

YB Datuk Zaidi bin Johari,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh,
Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelaburan, Perindustrian,
Pembangunan Usahawan dan Koperasi;

YB Tuan Ngwe Hee Sem,
Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perpaduan, Penerangan,
Hubungan Masyarakat, Sumber Manusia dan Hal Ehwal
Pengguna;

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;

YBhg. Dato' Dr. Fadhlullah Suhaimi bin Abdul Malek,
Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia
(SKMM);

YBhg. Dato' Mohd Ali Hanafiah bin Mohd Yunus,
Ketua Pegawai Operasi Suruhanjaya Komunikasi
Multimedia Malaysia (SKMM);

Ketua-ketua Jabatan Peringkat Negeri dan Agensi
Peringkat Persekutuan;

Seterusnya, Datuk-datuk, Datin-datin, Dif-dif Kehormat serta hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian;

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul di pagi yang mulia ini di pagi Sayyidul Ayyam ini sempena Program Hari Bertemu Pelanggan serta Majlis Pelancaran Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) di Taman Bandar Baharu, Masjid Tanah.
2. Diam tak diam, kini sudah hampir dua tahun kita hidup berhadapan dengan pandemik COVID-19. Tepat pada hari ini bersamaan dengan 1 April 2022,⁵

negara kita telah memasuki fasa peralihan ke endemik iaitu merupakan '*exit strategy*' untuk membolehkan kita semua kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal.

3. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian pihak penganjur menjemput saya untuk merasmikan majlis pada pagi ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada penganjur kerana berjaya menganjurkan majlis ini demi memenuhi visi, misi dan perancangan demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Sebagaimana kita sedia maklum, Barisan Nasional (BN) telah diberikan mandat yang kukuh oleh rakyat Melaka pada Pilihan Raya Negeri (PRN) yang lepas, apabila memenangi 21 daripada 28 kerusi atau tiga per empat bilangan kerusi yang dipertandingkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada seluruh rakyat Melaka kerana telah memberi mandat dan memilih kerajaan yang stabil demi kemakmuran bersama.
5. Dalam pada itu, amanah serta tanggungjawab atas kemenangan besar ini, bukanlah untuk menjadikan kita lalai dan sombong, sebaliknya untuk kita sentiasa,

menginsafi diri serta terus bekerja dengan lebih gigih lagi, untuk melaksanakan semua “Aku Janji” di dalam manifesto, yang bertemakan, **‘Kestabilan Demi Kemakmuran’**.

6. Manifesto ini merangkumi **1 matlamat, 5 teras** dan **103 inisiatif** yang akan terus dipantau pencapaiannya mengikut tempoh masa yang dijanjikan iaitu **100 hari, 1 tahun, 3 tahun** dan **5 tahun**. Ia adalah untuk membawa Melaka dan seluruh rakyatnya menuju masa depan yang lebih maju dan makmur.

7. Susulan itu, bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, pada hari ini selaras dengan **Teras 3** dalam Manifesto iaitu **Kecekapan Tadbir Urus** dan tema **Amanat Tahun Baharu 2022** iaitu **“Kecekapan Pelaksanaan Demi Kemakmuran Negeri Melaka”** serta peralihan ke Fasa Endemik telah membawa kita untuk penganjuran **program Hari Bertemu Pelanggan secara bersasar** di Masjid Tanah selain menyaksikan pelancaran **Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) di Taman Bandar Baharu.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Setelah hampir dua tahun tidak menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan, saya amat teruja melihat kemeriahan di dewan ini dan saya juga mendapati terdapat juga aktiviti bersama pelanggan di padang sebelah dewan ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak termasuk Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) yang terlibat dalam menjayakan program kita pada hari ini.

9. Saya percaya, kerjasama **10** agensi dan jabatan yang berkaitan dalam menyediakan perkhidmatan kaunter kepada komuniti setempat akan memberi manfaat dan impak yang positif kepada rakyat. Sekiranya terdapat sebarang aduan atau maklum balas, ia boleh₁₀

terus disampaikan kepada jabatan-jabatan yang berkaitan.

10. Antara agensi yang terlibat iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Pejabat Kesihatan Daerah Alor Gajah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Zakat Melaka, Jabatan Pendaftaran Negara, Majlis Agama Islam Melaka, Syarikat Air Melaka Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kerja Raya dan Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

11. Menyentuh mengenai Pusat Digital Ekonomi Keluarga Malaysia (PEDi), ia merupakan suatu inisiatif yang cukup sinonim dengan kehidupan masyarakat di negara ini. Peranannya bukan sahaja bagi memastikan rakyat mendapat capaian kepada *internet* berkualiti, bahkan ia juga mampu melonjakkan ekonomi mereka. Langkah ini seiring dengan sasaran dan hasrat Kerajaan Negeri Melaka untuk mewujudkan **1 PEDi** di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti yang diumumkan baru-baru ini.

12. Kewujudan PEDi merupakan satu usaha transformasi yang akan memacu pembangunan ekonomi digital Malaysia ke arah aspirasi nasional menuju tahun 2025 di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) apabila usaha akan ditumpukan untuk menyediakan persekitaran yang menyokong pertumbuhan ekonomi.

13. Peralihan ekonomi sedia ada kepada ekonomi digital adalah signifikan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi tempatan dan nasional khususnya kepada usahawan serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

14. Secara keseluruhannya di Melaka, terdapat **30 PEDI** yang telah didirikan oleh Kerajaan menerusi pihak SKMM bagi menyediakan akses capaian *internet* secara kolektif kepada kawasan dan kumpulan yang kurang mendapat liputan selain merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar serta mempertingkatkan sosioekonomi dan pembangunan modal insan. Daripada 30 PEDI tersebut, sebanyak **14 PEDI** terletak di daerah **Alor Gajah**, **11** di **Jasin** dan **5** di **Melaka Tengah**.

15. Bagi kawasan Masjid Tanah, terdapat **7 PEDi** yang beroperasi iaitu PEDi Taman Seri Lubuk Redan, PEDi Taman Bidara Permai, PEDi Kampung Paya Rumpit, PEDi Kampung Pulau Semut, PEDi Taman Lendu Bakti, PEDi Kampung Kemus Tan Sri Naning dan PEDi Taman Bandar Baharu, lokasi di mana kita berada sekarang.

16. Saya optimis bahawa kewujudan PEDi membawa khabar baik kepada masyarakat setempat yang mahukan capaian *internet* yang lebih baik dalam kehidupan seharian mereka. Lebih signifikan lagi, melalui PEDi, ia akan membantu penduduk setempat meningkatkan kemahiran digital sehingga mampu₁₅

menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital negara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

17. Majlis Pelancaran PEDi di Taman Bandar Baharu pada pagi ini adalah merupakan satu titik permulaan yang baik dalam usaha Kerajaan ke arah memperkasakan peranan PEDi dalam memacu pertumbuhan serta transformasi ekonomi digital penduduk setempat.

18. Pelaksanaan pelbagai inisiatif melalui PEDi seperti Pemerkasaan Pendigitalan Usahawan Kecil, Rakan Digital PEDi serta program keusahawanan oleh agensi-agensi Kerajaan akan terus memperkasa golongan usahawan kecil ke arah pendigitalan yang lebih inovatif dan berdaya saing.

19. Untuk makluman semua, di Melaka, seramai **905** usahawan yang aktif di PEDi. Daripada jumlah berkenaan, **35** orang usahawan datangnya dari PEDi Taman Bandar Baharu ini **antaranya Puan Nabihah Karim** dan **Cik Nurul Laili Witra Samsudin** yang membuktikan bahawa kejayaan mampu dicapai sekiranya ia dilakukan dengan bersungguh-sungguh. ¹⁷

20. Saya dimaklumkan, **Puan Nabihah** merupakan seorang suri rumah dan ahli PEDi yang sedang mengusahakan perniagaan kuih-muih, biskut, kek, tart, manisan dan makanan sejuk beku. Begitu juga dengan produk Naqik Cookies yang telah berjaya menembusi pasaran Agrobazaar di Singapura. Beliau telah menggunakan media sosial sebagai platform utama jualan dan hasilnya, nilai jualan Puan Nabihah melonjak kepada **RM10,000** berbanding dengan nilai jualan sebelum ini hanya dalam lingkungan antara **RM2,000** hingga **RM4,000** sahaja.

21. **Cik Nurul Laila** pula merupakan seorang pelajar jurusan arkitek UiTM Seri Iskandar Perak. Beliau memulakan perniagaan **AINAA Skincare** secara dalam talian, sambil belajar. Hasil bimbingan yang diberikan oleh petugas PEDi, Cik Nurul akhirnya menjadi stokis berjaya walaupun pada asalnya beliau hanya melakukannya secara dropship untuk produk tersebut. Kesudahannya, hasil jualan beliau meningkat lebih **10** kali ganda kepada **RM4,500** sebulan berbanding **RM400** sebelum ini.

22. Sebagai suri teladan kepada usahawan-usahawan lain, peranan ikon usahawan adalah amat penting bagi menggalakkan lebih ramai rakyat untuk₁₉

berkecimpung dalam bidang keusahawanan yang boleh mengubah nasib hidup mereka.

23. Inilah fokus Kerajaan ketika ini. Jika dahulunya fungsi dan peranan PEDi lebih tertumpu kepada penyediaan capaian *internet* kepada masyarakat luar bandar dan program latihan asas, kini peranannya lebih memberi penekanan kepada penjanaan pendapatan serta membantu ekonomi rakyat.
24. Oleh itu, Kerajaan Negeri Melaka menyambut baik pelancaran PEDi ini dan akan memberikan sokongan serta bekerjasama dengan pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) dan SKMM di₂₀

dalam memastikan segala inisiatif yang dilaksanakan di bawah PEDi akan memberi impak kepada golongan sasaran.

Hadirin dan hadirat sekalian,

25. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak penganjur di atas kejayaan menganjurkan majlis pada pagi ini. Saya juga mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Al Mubarak kepada semua umat Islam.

26. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri dan Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) Taman Bandar Baharu.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-